

29 FEB 1996

Mahathir-ASEM

MAHATHIR TIBA DI BANGKOK HADIRI SIDANG PUNCAK ASIA-EU

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

BANGKOK, 29 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk lawatan empat hari termasuk menghadiri Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM), mengadakan perbincangan dua hala dengan pemimpin-pemimpin Asia dan Eropah dan menyampaikan ucapan di satu persidangan antarabangsa.

Setibanya di Hotel Shangri-la, tempat penginapan beliau semasa di sini, Perdana Menteri memberitahu pemberita bahawa beliau berharap sesuatu yang positif dapat dihasilkan oleh pertemuan bersejarah antara pemimpin-pemimpin Kesatuan Eropah (EU) dan Asia Timur itu, dua daripada tiga rantau ekonomi di dunia.

Ketika diajukan kemungkinan pemimpin Eropah membangkitkan isu-isu dianggap sensitif oleh sesetengah negara Asia seperti hak asasi manusia dan masalah sosial, politik dan buruh, Dr Mahathir berkata jika ia ditimbulkan, "kita boleh bincang dengan mereka".

Dr Mahathir juga berkata belum tiba masanya bagi ASEM menubuhkan sebuah sekretariat, seperti yang dicadangkan oleh sesetengah negara Eropah.

Petang ini, Dr Mahathir akan menyertai ketua kerajaan dari 10 buah negara Asia yang berhimpun di sini bagi pertemuan tidak rasmi sebelum sidang kemuncak itu bermula esok.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Perdana Menteri Thai, Banharn Silpa-Archa, itu diadakan untuk menyelaraskan pendirian Asia dan menyelesaikan sebarang perkara yang berbangkit sebelum berlangsungnya sidang kemuncak di Pusat Konvensyen Ratu Sirikit di sini.

Pertemuan itu menghimpunkan pemimpin-pemimpin dari rantau dinamik Asia Timur

-- tujuh anggota ASEAN serta China, Jepun dan Korea Selatan -- dan rakan sejawatan mereka dari 15 negara anggota EU.

Empat ketua kerajaan EU dari Sepanyol, Greece, Sweden dan Denmark tidak dapat hadir di sini kerana masalah domestik negara masing-masing.

Para pemimpin itu dengan diiringi Menteri Luar masing-masing akan menghadiri majlis makan malam oleh Banharn malam ini.

Banharn dijadualkan memberi penerangan kepada para pemimpin itu mengenai kemajuan yang dicapai setakat ini pada peringkat menteri dan pegawai kanan berhubung isu-isu agenda persidangan yang pada asasnya bertujuan meningkatkan hubungan ekonomi dan politik antara kedua-dua rantau.

Turut berada dalam delegasi Malaysia ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan pemangku Menteri Luar, Datuk Abu Hassan Omar.-- BERNAMA.

AZZ OBA